

**FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN PERKHIDMATAN BAS AWAM DI TAMAN  
UNIVERSITI, SKUDAI**

**SITI SAUFIA BTE ABD. HADDI**

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**Disember 2005**

## ABSTRAK

Secara amnya salah satu ciri-ciri bagi pembangunan bandar yang pesat adalah peningkatan jumlah kenderaan persendirian di atas jalanraya. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Bank Dunia telah mengenalpasti di negara-negara membangun akan menghadapi masalah pengangkutan yang hampir sama iaitu sistem pengangkutan awam yang lemah dan kurang efisien. Antara masalah yang dihadapi oleh bandar yang pesat ialah pertumbuhan bandar yang tidak terancang, perletakkan gunatanah yang tidak tersusun, pertambahan penduduk dan perubahan struktur ekonomi. Peningkatan penggunaan kenderaan persendirian telah menyebabkan kemerosotan penggunaan bas awam terutama di bandar Skudai yang semakin pesat membangun. Dengan itu kajian ini memberi penekanan kepada faktor-faktor pemilihan perkhidmatan bas awam di Taman Universiti, Skudai Johor Bahru. Faktor-faktor yang dikenalpasti ialah kekerapan perkhidmatan bas, ketepatan masa, laluan yang menyeluruh, keselesaan, tambang dan ciri-ciri keselamatan. Melalui analisis kajian soal selidik didapati sebanyak 60% responden yang tidak akan menggunakan bas awam jika mereka mempunyai peluang memiliki kenderaan persendirian. Situasi ini agak merunsingkan jika tidak dibendung dari peringkat awal dan bagi mengatasi masalah ini setiap kelemahan pada faktor yang telah dikenalpasti akan diperbaiki dan dipertingkatkan melalui beberapa cadangan yang bersesuaian. Terdapat dua pihak yang terlibat iaitu, pihak operator bas dan pihak berkuasa tempatan MPJBT dalam mempertingkatkan perkhidmatan bas serta memperbaiki kelemahan faktor-faktor pemilihan perkhidmatan bas awam di Taman Universiti. Tujuan cadangan dibuat adalah mempertingkatkan perkhidmatan bas awam di kawasan kajian bagi memastikan kecekapan perkhidmatan bas yang cekap dan efektif di samping menggalakkan penduduk Taman Universiti menggunakan bas awam.

## **ABSTRACT**

One of the common features of urban modernization is an increase rate of vehicles on roads. A study made by World Bank have identified developing nation face almost similar predicament on transportation. The problems compounded was due to poor city planning structures, increase social mobility and new phenomena of floating population. Public transportation mainly bus is of great demand especially to the lower income group. The study of bus transport was considered "penetration capacity". This study is focusing on what are the various factors influencing people living in Taman Universiti, Skudai, Johor Bahru whereby the local residence prefer to use bus rather than other mode of transportation. Having identified the influential factors such as frequency of bus trip, punctuality, accessibility to all route, bus fares, comfort and security, a couple of recommendation were suggested to minimized the weakness and shortcomings in order to improve the efficiency of bus services in the study area. The Methodology and approach of the research was in comparison to the study of bus transportation in developed countries such as North America where the Integrated System was commonly practiced. Such finding is considerably significant to the local public bus transportation, particularly on the relevant aspects. To overcome the weakness of the public bus services in Taman Universiti, several suggestions have been outline to the attention of the bus operators and local town council. Finally, the objective to improve and minimizing the shortcoming of the bus services in the particular areas to ensure a higher level of service and transportation such as frequency of bus trip, punctuality, accessibility, comfort, bus fares and security in future demand of bus transportation.